

- Sunday, 27 October at 11:16 | 6662 characters
1. Kedah
 2. Kelantan
 3. Kuala Lumpur
 4. Melaka
 5. MRSM/Julai
 6. N9
 7. Perak
 8. Perlis
 9. P. Pinang
 10. JPN Sabah
 11. Sarawak
 12. MPP3 Terengganu
 13. Johor , Johor Bahru
 14. Johor , Pasir Gudang 1
 15. Johor , Pasir Gudang 2
 16. Johor , Tangkak
 17. Johor , Kluang
 18. Sabah , KK
 19. Johor , Kulai
 20. Kelantan , YIK
 21. Selangor Set 1
 22. Selangor Set 2
 23. Selangor Set 3

- 3 *Bahan-bahan di bawah mengandungi beberapa kesalahan bahasa. Kenal pasti, senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan tersebut. Anda perlu menulis kesalahan-kesalahan yang dikenal pasti dan membuat pembetulannya. Anda tidak perlu menyalin petikan-petikan tersebut.*

Bahan 1

TEKS UCAPAN PERASMIAN

SEMPENA HARI APRESIASI KELIMA SPM DAN STPM SESI 2022/2023

- *Yang berusaha, Pengetua SMK Tanjung, barisan-barisan pengurusan sekolah dan guru-guru.*
- *Ahli-ahli Jawatan kuasa, para penerima anugerah dan murid-murid SPM dan STPM Sesi 2022/2023*

Salam sejahtera,

Pertama sekali saya ingin mengucapkan syukur kepada Maha Pencipta kerana dengan limpah dan izinnya, saya diberikan kesempatan bersua dengan tuan-tuan, puan-puan serta murid-murid yang diraikan dalam majlis Hari Apresiasi Kelima SPM dan STPM Sesi 2022/2023. Terima kasih saya ucapkan kepada pihak sekolah, khususnya pengetua atas kesudian mengajak saya untuk hadir pada hari ini. Saya amat bangga dan berbesar hati kerana dapat bersama-sama dengan tuan-tuan, puan-puan dan murid-murid yang diraikan pada petang ini.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Atur Cara Majlis Perasmian'
edu.my/files/

[6 markah]

Bahan 2

Pada masa kini, kita mendapati bahawa peranan pendidikan telah berubah dengan jelas daripada fungsi utamanya. Murid-murid bukan sahaja datang ke sekolah untuk belajar tetapi juga dididik sebagai pewaris negara agar supaya menjadi modal insan yang berilmu dan berakhlak mulia. Hal ini selari dengan salah satu Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA), iaitu memperluaskan akses kepada pendidikan berkualiti dan berkemampuan. Dalam konteks ini, NKRA itu sendiri merupakan suatu inovasi dasar dan strategi yang ampuh dalam merealisasikan hasrat untuk memantapkan kualiti pendidikan negara. Dasar dan strategi yang telah terbukti berjaya pada masa lampau, tidak semestinya berkesan pada masa sekarang.

[5 markah]

Soalan 3 – Penyuntingan

Bahan 1

kesalahan		pembetulan	jenis kesalahan	
(i)	barisan-barisan	- barisan	<i>bahasa</i>	1
(ii)	Jawatan kuasa	- jawatankuasa	<i>ejaan</i>	1
(iii)	izinnya	- izin-Nya	<i>ejaan</i>	1
(iv)	diberikan	- diberi	<i>imbuhan</i>	1
(v)	mengajak	- menjemput	<i>istilah</i>	1
(vi)	bangga	- berbangga	<i>imbuhan</i>	1

[Maksimum : 6 markah]

Bahan 2

kesalahan		pembetulan		
(i)	Pada masa kini	- Pada masa ini / Kini	<i>bahasa</i>	1
(ii)	agar supaya	- agar / supaya	<i>bahasa</i>	1
(iii)	memperluaskan	- memperluas/meluaskan	<i>imbuhan</i>	1
(iv)	kontek	- konteks	<i>ejaan</i>	1
(v)	suatu	- satu	<i>istilah</i>	1
(vi)	dibukti	- terbukti	<i>imbuhan</i>	1

[Maksimum: 5 markah]

3. Baca bahan-bahan di bawah dengan teliti. Bahan-bahan ini mengandungi pelbagai kesalahan bahasa. Kenal pasti, senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan tersebut. Anda perlu menulis kesalahan-kesalahan yang dikenal pasti dan membuat pembetulannya. Anda tidak perlu menyalin petikan-petikan tersebut semula.

Bahan 1**JAWATAN KOSONG****TADIKA TEDUHAN KASIH****JAWATAN : GURU TADIKA GRED 41 (KONTRAK)**

- Warganegara Malaysia yang berumur antara 18 dan 45 tahun pada tarikh tutup iklan.
- Memiliki ijazah sarjanamuda kepujian dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau luar negara.

GAJI / KEMUDAHAN

- Gaji yang ditawarkan : RM2,000.00.
- Kemudahan : cuti rehat, cuti sakit, caruman KWSP dan lain-lain kemudahan yang ditetapkan.
- Taraf perlantikan : kontrak
- Tempat bertugas : Tadika Teduhan Kasih, Putrajaya

DESKRIPSI TUGAS

Melaksanakan urusan pentadbiran, pengurusan aset, perolehan, kewangan dan pengurusan sumber manusia bagi memastikan urusan tersebut teratur berdasarkan prosidur / pekeliling / tata cara semasa.

CARA-CARA MEMOHON

Pemohon hendaklah membuat permohonan melalui aplikasi *Whatsapp*, telegram Puan Nurani binti Abdullah atau e-mel di alamat nurani@gmail.com.



Alamat surat-menyurat, e-mel dan nombor telefon pemohon mestilah tepat, terkini dan aktif supaya mudah dihubungi.



Permohonan dianggap tidak berjaya sekiranya pemohon tidak menerima sebarang maklum balas / pertanyaan dalam tempoh sebulan dari tarikh tutup iklan.

Tarikh Tutup: 10 Oktober 2024 (Khamis), 1.30 petang

[7 markah]

Bahan 2

Apabila kita memikirkan masa depan, pertimbangkan laluan kerjaya yang mempunyai pasaran kerja paling luas. Dengan menyelidik arah aliran pasaran kerja pada tahun-tahun mendatang, anda boleh menentukan kerjaya terbaik yang paling sesuai sungguh kerana seiring dengan minat atau kebolehan. Tiga bidang kerjaya yang dirangka mendapat permintaan tinggi pada tahun 2024 ialah pakar kecerdasan buatan (AI) dan pembelajaran mesin memandangkan kedua bidang ini semakin maju. Golongan profesional dalam bidang ini akan memainkan peranan penting untuk melaksanakan AI dan algoritme serta model pembelajaran mesin. Kerjaya sebagai pakar keselamatan siber juga amat diperlukan lantaran lebih banyak organisasi menggerakkan operasi mereka secara atas talian. Ancaman serangan siber juga semakin meningkat. Oleh itu, pakar keselamatan siber memainkan peranan penting dalam melindungi organisasi daripada serangan siber demi memastikan keselamatan data. Sehubungan dengan itu, setiap individu harus berusaha ceburi bidang-bidang kerjaya ini.

[6 markah]

Soalan 3 - Penyuntingan

Bahan 1

- | | | | |
|--------|---------------------|---|--------------------------|
| (i) | dan | - | hingga |
| (ii) | sarjanamuda | - | sarjana muda |
| (iii) | lain-lain kemudahan | - | kemudahan-kemudahan lain |
| (iv) | perlantikan | - | pelantikan |
| (v) | prosedur | - | prosedur |
| (vi) | tata cara | - | tatacara |
| (vii) | pertanyaan | - | jawapan |
| (viii) | petang | - | tengah hari |

[Maksimum 7 markah]

Bahan 2

- | | | | |
|-------|-----------------------|---|---|
| (i) | penyelidik | - | menyelidik / menyelidiki |
| (ii) | paling sesuai sungguh | - | paling sesuai / sesuai sungguh / sungguh sesuai |
| (iii) | dirangka | - | dijangka |
| (iv) | kedua | - | kedua-dua |
| (v) | algoritme | - | algoritma |
| (vi) | atas | - | dalam |
| (vii) | ceburi | - | menceburi |

[Maksimum : 6 markah]

Nota: Jawapan tidak semestinya mengikut urutan

3. *Bahan-bahan di bawah mengandungi pelbagai kesalahan bahasa. Kenal pasti, senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan tersebut. Anda perlu menulis kesalahan-kesalahan yang dikenal pasti dan membuat pembetulanannya. Anda tidak perlu menyalin petikan-petikan tersebut.*

Bahan 1

Makanan adalah keperluan asas dalam kehidupan manusia dan berfungsi untuk memenuhi keperluan fizikal, psikologi, fisiologi dan sosial. Makanan diperlukan untuk manusia berkerja dan melaksanakan kehidupan harian mereka. Selain itu, makanan membekalkan nutrien penting untuk keperluan pembesaran badan. Kuantiti dan kualiti makanan juga sangat mempengaruhi tahap kesihatan individu. Namun begitu, pengambilan makanan yang kurang berkualiti dapat menjadi racun pada manusia dan memudaratkan kesihatan. Makanan yang tidak berkualiti termasuklah makanan yang tercemar dengan penyakit bawaan di dalamnya.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Keselamatan Pemakanan'
oleh Hayati Adilin.
Dewan Siswa Bil.5/2018.

[6 markah]



[5 markah]

Soalan 3 – Penyuntingan

Bahan 1

Bil	Salah	Betul	Kesalahan bahasa
1	adalah	ialah	tatabahasa
2	pisiologi	fisiologi	ejaan
3	berkerja	bekerja	imbuhan
4	pembesaran	tumbesaran	istilah
5	mempengaruh	mempengaruhi	imbuhan
6	pada	kepada	tatabahasa
7	penyakit bawaan	bawaan penyakit	tatabahasa

Nota : Jawapan tidak semestinya mengikut urutan

[Maksimum : 6 markah]

Bahan 2

Bil	Salah	Betul	Kesalahan bahasa
1	Tips	Tip	ejaan
2	Tangkas	Bijak/Pandai	istilah
3	pemakanan	makanan	imbuhan
4	disukai anda	anda sukai	tatabahasa
5	alkhohol	alkohol	ejaan

- 3 Bahan-bahan di bawah mengandungi **pelbagai kesalahan bahasa**. Kenal pasti, senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan tersebut. Anda perlu menulis kesalahan-kesalahan yang dikenal pasti dan membuat pembedulannya. Anda tidak perlu menyalin bahan-bahan tersebut.

Bahan 1

Dron digunakan seawal Perang Dunia Pertama sebagai sasaran atau aerial target bagi latihan senjata pertahanan udara. Kemudian, dron dibangunkan sebagai peninjau, pengawas, dan penandaan sasaran semasa peperangan moden serta sebagai sasaran bagi senjata *anti-aircraft missile*. Walau bagaimanapun, antara isu utama yang timbul setelah popularnya dron adalah isu privasi di mana dron membolehkan pengguna mengambil gambar atau merakamkan video dari udara tanpa dikesan oleh mangsa. Malah, di setengah negara termasuk Malaysia, undang-undang penggunaan dron diperkenalkan bagi menghalang kawasan-kawasan keselamatan negara diintip dron.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Antara Kepentingan dan Ancaman'
Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 4
Kementerian Pendidikan Malaysia

[6 markah]

Bahan 2

JERTIH : Universiti Putra Malaysia (UPM) memperkenalkan pakej teknologi pengeluaran padi berpenghasilan tinggi menerusi pertanian dengan menggunakan teknologi dron. Teknologi ini membolehkan pantauan udara terhadap tanaman itu dilakukan. Projek rintis dijalankan di kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu Terengganu Utara, Besut dan membabitkan 200 petani dengan kawasan tanaman seluas 200 hektar. Dron berupaya untuk merakam imej kawasan seluas 140 sehingga 950 hektar di dalam tempoh satu jam penerbangan, bergantung kepada keadaan cuaca dan ketinggian penerbangan dron.

Dipetik dan diubah suai daripada
'UPM Perkenal Teknologi Pantau Tanaman Guna Dron'
Harian Metro, 17 Mac 2018

[5 markah]

Soalan 3 – Penyuntingan**Bahan 1**

- (i) penandaan – penanda
- (ii) adalah – ialah
- (iii) di mana - yang mana
- (iv) merakamkan – merakam
- (v) mangsa – musuh
- (vi) setengah – sesetengah

[Maksimum : 6 markah]

Bahan 2

- (i) memperkenalkan – memperkenalkan
- (ii) berpenghasilan – keberhasilan
- (iii) pantauan – pemantauan
- (iv) 200 petani - 200 orang petani
- (v) di dalam – dalam
- (vi) kepada – pada

[Maksimum : 5 markah]

- 3 *Bahan-bahan di bawah mengandungi pelbagai kesalahan bahasa. Kenal pasti, senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan tersebut. Anda perlu menulis kesalahan yang dikenal pasti dan membuat pembetulannya. Anda tidak perlu menyalin bahan-bahan tersebut.*

Bahan 1

**JEMPUTAN KE MAJLIS
RUMAH TERBUKA AIDIL FITRI
PEGAWAI DAERAH BATU PAHAT TAHUN 2023**

Assalamualaikum dan salam sejahtera.
Kita mengalu-alukan kehadiran ramai orang ke majlis rumah terbuka ini.



Tempat: 9 Mei 2023 (18 Syawal 1444 H)

Masa: 11.00 pagi hingga ke 3.00 petang

Tempat: Kediaman Resmi Pegawai

Semua di jemput hadir.

[5 markah]

Bahan 2

Minat memasak mendorong DYMM Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah, merentas ke seluruh ceruk desa dan daerah di Pahang. Hal ini dapat melengkap pencarian lebih 600 resipi tradisional yang baginda minati. Pengembaraan merentas 11 daerah di Pahang bertujuan supaya mengumpulkan resipi warisan negeri itu.

Inspirasi untuk menghasilkan buku ini tercetus kerana baginda mahu resipi lama menjadi warisan kepada jenerasi akan datang supaya tidak hilang dimakan zaman. Menurut baginda, komplikasi buku masakan itu cukup istimewa kerana memuatkan resipi yang jarang-jarang dinikmati terutamanya juadah asli air tangan orang lama-lama di negeri Pahang.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Anak Raja Rentas Hutan Kumpul 600 Resipi'
Berita Harian Online, 4 Ogos 2018

[6 markah]

Soalan 3 – Penyuntingan

Bahan 1

Aidil fitri	-	Aidilfitri
kita	-	kami
ramai orang	-	orang ramai
hingga ke	-	hingga
resmi	-	rasmi
di jemput	-	dijemput

[Maksimum: 5 markah]

Bahan 2

melengkap	-	melengkapkan
baginda minati	-	diminati (oleh) baginda
supaya	-	untuk
jenerasi	-	generasi
dimakan	-	ditelan
komplikasi	-	kompilasi
orang lama-lama	-	orang-orang lama

[Maksimum: 6 markah]

- 3 Bahan-bahan di bawah mengandungi pelbagai kesalahan bahasa. Kenal pasti, senaraikan, dan betulkan kesalahan-kesalahan tersebut. Anda perlu menulis kesalahan-kesalahan yang dikenal pasti dan membuat pembetulanannya. Anda tidak perlu menyalin petikan-petikan tersebut.

Bahan 1

Chat Generative Pre-Trained Transformer (GPT) adalah model pembelajaran semula jadi yang berasaskan pembelajaran yang mendalam (*deep learning*). Model ini telah syarikat teknologi latih supaya boleh menjaga maklumat yang sangat luas sekali dan teks boleh diambil dari pelbagai sumber seperti laman web dan buku. Penggunaan transformer berfungsi menukar input teks kepada perwakilan angka yang diproses secara berterusan dan akhirnya pengguna dapat output yang dikehendaki. Penggunaan Chat GPT menunjukkan tentang kepentingan teknologi dalam kehidupan seharian khususnya dalam mempelajari bahasa Melayu.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Kenali Chat GPT: Model Pembelajaran yang Boleh Memahami Bahasa'
oleh Mahani Zakaria,
Dewan Siswa Bil.06/2023
[6 markah]

Bahan 2

- Naufal : Amboi, pandai engkau membaiki mesin basuh! Kau belajar daripada siapa?
- Fairus : Aku belajar daripada Youtube sahaja Naufal. Pada masa kini, zaman telah berubah. Semuanya dihujung jari sahaja. Kita boleh belajar melalui media sosial dan sidang video.
- Naufal : Walaubagaimanapun, kita perlu juga belajar melalui guru kerana banyak input yang perlu dijelaskan kepada murid-murid secara lebih mendalam. Pembelajaran melalui Internet untuk mempertambahkan ilmu dan kemahiran sahaja.
- Fairus : Setuju! Kita perlulah menjadikan kemudahan ilmu tanpa sepadan ini sebagai nilai tambah untuk menjadi seorang yang pro-aktif.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 4'
Kementerian Pendidikan Malaysia

[5 markah]

Soalan 3 – Penyuntingan**Bahan 1**

- | | | | |
|-------|---------------------------------|---|---------------------------------------|
| (i) | adalah | - | ialah |
| (ii) | telah syarikat teknologi latih | - | telah dilatih oleh syarikat teknologi |
| (iii) | menjaga | - | menjana |
| (iv) | dari | - | daripada |
| (v) | diperoses | - | diproses |
| (vi) | dapat | - | mendapat |
| (vii) | menunjukkan tentang kepentingan | - | menunjukkan kepentingan |

[Maksimum: 6 markah]

Bahan 2

- | | | | |
|-------|-------------------|---|--------------------|
| (i) | Kau belajar | - | Kaubelajar |
| (ii) | Pada masa kini | - | Pada masa ini/Kini |
| (iii) | Walaubagaimanapun | - | Walau bagaimanapun |
| (iv) | mempertambahkan | - | menambahkan |
| (v) | sepadan | - | sempadan |
| (vi) | pro-aktif | - | proaktif |

[Maksimum: 5 markah]

- 3 *Bahan-bahan di bawah mengandungi pelbagai kesalahan bahasa. Kenal pasti, senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan tersebut. Anda perlu menulis kesalahan-kesalahan yang dikenal pasti dan membuat pembetulannya. Anda tidak perlu menyalin bahan-bahan tersebut.*

BAHAN 1

Seiring dengan peredaran masa, kaedah pendidikan berubah dan hubungan antara murid dengan guru berhadapan dengan isu baru. Murid berhubung dengan guru melalui aplikasi Telegram, Facebook, Instagram, Twitter, khidmat pesanan ringkas dan e-mel. Cabaran murid alaf ini dalam mengawal adab sopan dan tingkah laku terutamanya penggunaan bahasa di dalam media sosial. Murid wajar menggunakan bahasa laras yang betul ketika berhubung dengan guru. Penggunaan bahasa rojak perlu dielakan walaupun penggunaannya popular dalam media sosial. Komunikasi murid hendaklah dimulakan dengan teguran atau ucapan selamat. Murid perlulah mengelakan penggunaan bahasa singkatan atau slanga. Selepas murid menghantar pesanan kepada guru, mereka tidak boleh beranggapan bahawa guru akan memberikan respon yang terus.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Adab Berbahasa dan Media Sosial'
oleh Kamal Azmi Abd Rahman,
Dewan Bahasa, Bil. 10/2019

[6 markah]

BAHAN 2

Lulusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) harus peka memilih bidang pengajian di institusi pengajian tinggi awam atau swasta. Kajian menunjukkan, kegagalan utama graduan mencari pekerjaan antara lain-lainnya berkaitan dengan pilihan bidang pengajian yang bukan menjadi keperluan asas pasaran kerja atau berlaku lambakan graduan dalam bidang berkenaan. Pemilihan bidang adalah perkara paling penting sekali kepada semua orang pelajar, sebelum melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi agar bukan menyumbang kepada penganguran selepas tamat pengajian.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Pilih Bidang Pengajian yang Sesuai'
oleh Suzianah Jiffar,
BH Online, 9 September 2019

[5 markah]

Soalan 3: Penyuntingan

Bahan 1

1. baru	-	baharu
2. khidmat pesanan ringkas	-	Khidmat Pesanan Ringkas
3. di dalam	-	dalam
4. bahasa laras	-	laras bahasa
5. dielakan	-	dielakkan
6. teguran	-	sapaan
7. mengelakan	-	mengelakkan
8. terus	-	segera
9. respon	-	respons

[Maksimum : 6 markah]

Bahan 2

1. peka	-	bijak
2. antara lain-lainnya	-	antara lainnya
3. asas	-	utama
4. adalah	-	ialah
5. paling penting sekali	-	paling penting/penting sekali
6. semua orang pelajar	-	semua pelajar
7. bukan	-	tidak
8. penganguran	-	pengangguran

[Maksimum : 5 markah]

Nota : Jawapan tidak semestinya mengikut urutan

- 3 Bahan di bawah mengandungi pelbagai kesalahan bahasa. Kenal pasti, senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan tersebut. Anda perlu menulis kesalahan-kesalahan yang dikenal pasti dan membuat pembetulannya. Anda tidak perlu menyalin bahan tersebut.

KRONOLOGI SEBELUM MALAYSIA MENCAPAI KEMERDEKAAN	
27 JULAI 1955 Pilihan Raya Persekutuan pertama diadakan. UMNO telah mengadakan kerjasama dengan MCA dan MIC membentuk Parti Perikatan untuk menghadapi pilihan raya tersebut.	10 OGOS 1955 Tunku Abdul Rahman membentuk kabinet pertama dianggotai oleh 6 orang wakil Melayu, 3 orang wakil Cina dan dua wakil India.
18 JANUARI - 6 FEBRUARI 1956 Tunku Abdul Rahman mengetuai merundingkan kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu di London.	8 FEBRUARI 1956 Perjanjian kemerdekaan telah memeterai dengan menetapkan tarikh 31 Ogos 1957 sebagai tarikh kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu.
20 FEBRUARI 1956 Tunku Abdul Rahman telah membuat pengisytiharan kemerdekaan di Padang Pahlawan, Bandar Hilir, Melaka.	21 MAC 1956 Suruhan jaya Perlembagaan Reid telah dibentuk untuk mengkaji dan menggubal Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu.
28 - 29 DISEMBER 1956 Tunku Abdul Rahman dicabar supaya menyelesaikan isu pemberontakan komunis. Rundingan Baling diadakan pada 28 - 29 Disember 1956 bersama Chin Peng, Setiausaha Agong PKM.	30 OGOS 1957 Detik 12 tengah malam, bendera Union Jack diturunkan dihadapan Bangunan Sultan Abdul Samad dan digantikan dengan bendera Persekutuan Tanah Melayu tanda negara mencapai kemerdekaan.
31 OGOS 1957 Pengisytiharan kemerdekaan oleh Tunku Abdul Rahman di Stadium Merdeka, Kuala Lumpur.	

Dipetik dan diubah suai daripada
'Kronologi Sebelum Merdeka'
www.politikkinimalaysia.my

[9 markah]

Soalan 3 – Penyuntingan

(i)	kronoloji	—	kronologi
(ii)	menghidapi	—	menghadapi
(iii)	dua wakil	-	dua orang wakil
(iv)	merundingkan	—	perundingan
(v)	memeterai	-	dimeterai
(vi)	Suruhan jaya	—	Suruhanjaya
(vii)	pemberontakkan	—	pemberontakan
(viii)	bersama	—	bersama-sama
(ix)	Agong	—	Agung
(x)	dihadapan	—	di hadapan

[Maksimum: 9 markah]

Nota: Jawapan tidak semestinya mengikut urutan

[Lihat halaman sebelah]

- 3 *Bahan di bawah mengandungi pelbagai kesalahan bahasa. Kenal pasti, senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan tersebut. Anda perlu menulis kesalahan-kesalahan yang dikenal pasti dan membuat pembetulanannya. Anda tidak perlu menyalin petikan tersebut.*

Bahan 1

Pelbagai taksiran diberikan dalam mendefinisikan semangat patriotik. Secara realitinya, semangat patriotik ialah perasaan cintakan negara. Elemen patriotisme dilihat sebagai perbuatan menunjukkan patriotisme atau menjadi patriotik. Terdapat banyak tindakan dan perbuatan boleh dihubung kaitkan dengan patriotisme. Masyarakat wajar menzahirkan semangat patriotik di dalam diri agar kehidupan lebih harmoni. Paparan media masa berkaitan perlakuan negatif masyarakat jelas menggambarkan mereka tidak memupuk dan menjiwai amalan patriotisme dalam kehidupan. Oleh itu, amalan ini wajar diberikan penekanan sejak kecil lagi dan dipraktik sepanjang usia dalam kehidupan.

[5 markah]

Bahan 2**KEMPEN MENDERMA ORGAN**

Ayuh, mendaftar segera sebagai penikrar penderma organ selepas kematian!

Dapatkan informasi terkini kaedah pendaftaran sebagai penderma organ yang mudah dan cepat dalam laman web dan media sosial rasmi Pusat Sumber Transplan Nasional.

Maklumi hasrat murni anda sebagai penderma organ kepada ahli keluarga dan waris supaya mereka memahami dan dapat memberikan kebenaran bila tiba masanya.

Soalan lazim kaitan pendermaan organ

Adakah pendermaan organ dan tisu akan merencatkan jenazah?

Proses pendermaan organ dan tisu tidak akan mengubah rupa dan bentuk jenazah, pengebumian boleh dijalankan seperti biasa.

Adakah semasa bedah siasat, organ dan tisu akan diambil tanpa kebenaran waris?

Proses pengambilan organ dan tisu untuk tujuan transplantasi hanya boleh dilakukan setelah mendapat kebenaran bertulis daripada waris sahaja.

Sekiranya seseorang meninggal dunia di rumah, adakah dia boleh menjadi penderma organ dan tisu?

Seseorang yang meninggal dunia di rumah hanya layak menderma kornea mata sahaja melalui procedure dan kriteria yang ditetapkan.

**INFORMASI ASAS
PENDERMAAN ORGAN
DI MALAYSIA**

Dapatkan Makluman Lanjut Berkaitan
Pendermaan Organ Di Malaysia

www.dermaorgan.gov.my

1800-88-9080



[6 markah]

Soalan 3 - Penyuntingan

Bahan 1

- (i) taksiran – tafsiran
- (ii) cintakan – cinta akan
- (iii) dihubung kaitkan – dihubungkaitkan
- (iv) di dalam – dalam
- (v) media masa – media massa
- (vi) dipraktik – dipraktikkan

[Maksimum : 5 markah]

Bahan 2

- (i) penikrar – pengikrar
- (ii) maklumi – maklumkan
- (iii) bila – apabila
- (iv) kaitan – berkaitan
- (v) merencatkan – mencacatkan
- (vi) procedure - prosedur
- (vii) makluman - maklumat

[Maksimum : 6 markah]

3. *Petikan di bawah mengandungi pelbagai kesalahan bahasa. Kenal pasti, senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Anda perlu menulis kesalahan-kesalahan yang dikenal pasti dan membuat pembetulanannya. Anda tidak perlu menyalin kesalahan-kesalahan tersebut.*

BAHAN 1

Dari :	alex.lompugat@gmail.com.my
Perkara :	Pemeriksaan ke atas Murid-murid yang Bermotosikal ke Sekolah
Kepada :	syhpengetua@smkn.edu.my

Selamat sejahtera dan salam Malaysia Madani,

Tuan,

Berhubung perkara di atas, untuk maklumat pihak tuan, pihak kami akan mengadakan pemeriksaan ke atas murid-murid yang memandu motosikal ke sekolah. Tindakan ini berikutan daripada permintaan pihak tuan yang meminta pihak kami mengadakan pemeriksaan tersebut. Pemeriksaan itu akan diadakan seperti berikut:

Tarikh : 8 September 2024

Hari : Jumaat

Masa : 10:00 pagi hingga 12:00 tengah hari

Tempat : Tempat Simpan Motosikal, Sekolah Menengah Kebangsaan
Narinang.

2. Sehubungan dengan itu, pihak kami berharap pihak tuan dapat memberikan komitmen untuk memastikan pemeriksaan berjalan dengan lancar.

3. Kerja sama pihak tuan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian. Terima kasih.

Yang menjalankan tugas,

Alexius

.....
(**DATUK ALEXIUS SAGUN**)

Ketua Polis,

Ibu Pejabat Polis Daerah Kota Belud,

Sabah.

[6 markah]

SULIT

4

1103/2

BAHAN 2

Karnival Harga Kilang

- Tawaran harga murah untuk peti sejuk, mesin basuh, television, penghawa dingin dan peralatan audio.
- Syarikat kita sudah masyhur dengan barang-barang elektronik dan diyakini oleh orang ramai.
- Pengguna berpeluang menyertai cabut bertuah jika berbelanja minimum RM150 dalam satu risit.

[5 markah]

[Maksimum : 6 markah]

Soalan 3 – Penyuntingan
Bahan 1

dari	daripada
maklumat	makluman
memandu	menunggang
Simpan	Parkir/Letak
komitment	komitmen
kerja sama	kerjasama
ke atas	terhadap

Bahan 2

television	televisyen
penghawa dingin	pendingin hawa
kita	kami
cabut	cabutan
risit	resit

[Maksimum: 11 markah]

- **Nota: Jawapan tidak semestinya mengikut urutan**
- **Tulis pembetulan tanpa menyenaraikan kesalahan – 0 m**

- 3 *Bahan-bahan di bawah mengandungi pelbagai kesalahan bahasa. Kenal pasti, senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan tersebut. Anda perlu menulis kesalahan-kesalahan yang dikenal pasti dan membuat pembetulanannya. Anda tidak perlu menyalin petikan-petikan tersebut.*

Bahan 1

Bahasa memainkan peranan yang penting di dalam kehidupan masyarakat dan tidak boleh dipandang sambalewa. Bahasa yang mudah difahami serta boleh masyarakat tuturkan seperti bahasa Melayu mampu menjadi bahasa perpaduan negara. Hal ini dapat dilihat sejak negara mencapai kemerdekaan hingga masa kini. Pembangunan dan kemajuan yang sempurna dalam kehidupan masyarakat semuanya bermula dari penggunaan bahasa Melayu di negara ini. Oleh yang demikian, peranan bahasa yang paling penting sekali adalah dalam mengerat perpaduan kaum. Bahasa yang baik akan menjadi bahasa penghantar, bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan kepada sesebuah negara seperti Malaysia.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Bahasa dan Budaya Mengeratkan Perpaduan Masyarakat'
Oleh Aminudin Mansor,
Dewan Bahasa dan Pustaka 2022

[7 markah]

Bahan 2

Setiap kanak di Malaysia mempunyai hak untuk belajar dan mengetahui sesuatu, selaras dengan konsep 'Pendidikan untuk Semua' yang diperkenal oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Bahagian Pendidikan Khas, KPM bertanggungjawab terhadap pendidikan bagi Murid Berkeperluan Khas (MBK) yang memerlukan satu sistem pendidikan yang sesuai dengan tahap ketidak upaya mereka. KPM telah memperkenalkan Program Transisi ke Kerjaya yang bertujuan memberikan sokongan pada MBK sebagai persediaan awal sebelum menempuh alam pekerjaan. Apabila berada di Sekolah Pendidikan Khas, potensi yang terperam dalam diri masing-masing juga dapat tercungkil kerana setiap individu pastinya mempunyai kelebihan tersendiri.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Pendidikan Khas Membantu Murid Berkeperluan Khas Berdaya Saing'
Oleh Vikneswari Letchumanan,
Dewan Siswa Bil. 02/ 2021

[6 markah]

- | | |
|------------------------------|------------------------------------|
| 1. di dalam | - dalam |
| 2. boleh masyarakat tuturkan | - boleh dituturkan oleh masyarakat |
| 3. kini | - ini |
| 4. dari | - daripada |
| 5. Oleh yang demikian | - Oleh hal yang demikian |
| 6. paling penting sekali | - paling penting/penting sekali |
| 7. mengerat | - mengeratkan |
| 8. penghantar | - pengantar |

[7 markah]

Bahan 2

- | Salah | Betul |
|---------------------|--------------------|
| 1. kanak | - kanak-kanak |
| 2. diperkenal | - diperkenalkan |
| 3. bertanggungjawab | - bertanggungjawab |
| 4. ketidak upayaan | - ketidakupayaan |
| 5. pada | - kepada |
| 6. terperam | - terpendam |
| 7. tercungkil | - dicungkil |

[6 markah]

- 3 Baca rencana di bawah dengan teliti. Rencana di bawah mengandungi pelbagai kesalahan bahasa. Kenal pasti, senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan tersebut. Anda perlu menulis kesalahan-kesalahan yang dikenal pasti dan membuat pembetulannya. Anda tidak perlu menyalin rencana tersebut.

Memoir Seorang Guru Terima Maklum Balas Positif

oleh : Aqmar Mustaza

Setelah empat hari dipentaskan di pawagam bermula pada Khamis lalu, filem Memoir Seorang Guru mendapat sambutan yang memberansangkan. Penerbitnya, Datuk Arisz Ab. Rahman berkata, setakat ini rata-rata mereka yang menonton memberikan maklum balas yang positif.

“Saya bersyukur kerana filem yang diadaptasi daripada novel karya Allahyarham Azizi Haji Abdullah ini mendapatkan tempat di hati penonton Malaysia. Jikalau berdasarkan komen-komen penonton di sosial media, ramai yang memuji dan meletakkan rating yang tinggi untuk filem ini,” ujarnya.

Jelasnya, rakyat Malaysia seharusnya tidak melepaskan peluang untuk menonton Memoir Seorang Guru kerana filem ini ialah sebuah naskah yang sangat dekat dengan jiwa dan menyentuh perasaan penonton.

Filem arahan Kyoll Hamzah mengisahkan tentang Cikgu Sunan yang telah ditukarkan ke sebuah sekolah di pedalaman dan ditugaskan menjadi guru kelas di kelas paling corot sekali. Filem ini mengangkat mesej-mesej positif seperti sikap kasih sayang, mengenang budi, kejayaan, kegagalan, penyesalan dan kisahnya begitu dekat dengan siapa sahaja yang pernah bergelar guru dan anak murid.

“Kita semua pernah menjadikan anak murid. Oleh itu, filem ini memang sangat dekat dengan diri kita. Saya percaya, filem ini dapat mengimbau zaman persekolahan dulu. Pesanan saya, jangan lupa menyediakan tisu sebelum menonton kerana ada babak-babak yang menyentuh hati dan perasaan sehingga mengalirkan airmata,” ujarnya.

Dipetik dan diubah suai daripada
Sinar Harian Online,
3 Jun 2024

[11 markah]

Perhatian bagi Soalan 3 – Penyuntingan

1. Calon mesti menyenaraikan **KESALAHAN** dan **PEMBETULAN**
2. Terima jawapan calon mengikut peruntukan markah sahaja (11 *markah*)
3. Gariskan jika jawapan lebih daripada peruntukan markah.

Soalan 3 – Penyuntingan

BIL.	KESALAHAN		PEMBETULAN
1	dipentaskan	-	ditayangkan / dipancarkan
2	memberansangkan	-	memberangsangkan
3	mendapatkan	-	mendapat
4	sosial media	-	media sosial
5	meletakan	-	meletakkan
6	naskah	-	naskhah
7	mengisahkan tentang	-	mengisahkan
8	paling corot sekali	-	paling corot / corot sekali
9	sikap	-	nilai
10	siapa	-	sesiapa / siapa-siapa
11	menjadikan	-	menjadi
12	airmata	-	air mata

[Maksimum: 11 markah]

SOALAN 3: PENYUNTINGAN

Petikan 1 dan petikan 2 di bawah mengandungi pelbagai kesalahan bahasa. Kenal pasti, senaraikan dan betulkan enam kesalahan bahasa dalam petikan 1 dan lima kesalahan bahasa dalam petikan 2. Anda perlu menulis kesalahan-kesalahan yang dikenal pasti dan membuat pembetulanannya. Anda tidak perlu menyalin petikan-petikan tersebut.

Bahan 1

Cuti semester dianggap peluang bagi setengah penuntut universiti untuk melepaskan tekanan selepas berhempas pulas menimba ilmu. Terdapat banyak cara mereka lakukan untuk memanfaatkan cuti tersebut seperti pekerjaan sambilan. Cuti semester ini juga merupakan masa terbaik bagi mereka untuk mencari wang saku selain merasakan pengalaman dunia kerjaya biar pun hanya sementara. Cuti panjang menjadi platform terbaik kepada mahasiswa untuk memanfaatkan masa dengan berkesan dan keluar dari kepompong dunia akademik. Selain itu, mereka juga dapat mencari pengalaman bagi menghadapi pelbagai kekangan dalam kehidupan.

[6 markah]

Bahan 2

Daripada : intan_alias@gmail.com

Kepada : imaan21@gmail.com

Subjek : Cuti-cuti Malaysia

Apa khabar? Maafkan saya kerana sudah lama tidak mengutus e-mel kepada awak.

Untuk pengetahuan awak, saya baru selesai menjalani peperiksaan pertengahan tahun di sekolah saya. Setelah penat mengulangkaji pelajaran, kini sampai masanya untuk saya merehatkan minda. Ayah saya sudah bersetuju untuk membawa saya pergi bercuti.

